

Headline	NAIK TAK CUKUP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	1,3
ArticleSize	494 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,837		



NAIK TAK CUKUP

ISU TARIF ELEKTRIK

“Kenaikan tarif elektrik 1 Jan 2014 masih tidak cukup untuk tampung kos TNB”

- Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan

3

Kenaikan tarif belum cukup

PUTRAJAYA - Kenaikan tarif elektrik berkuat kuasa 1 Januari depan masih tidak cukup untuk menampung kos Tenaga Nasional Bhd (TNB), kata Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan.

“TNB masih perlu meminjam untuk bangunkan infrastruktur kerana infrastruktur sedia ada di Semenanjung Malaysia sudah berusia, dengan sistem pembekalan atau penghantaran baharu perlu dibangunkan dari selatan

ke Lembah Klang, yang memerlukan perbelanjaan bilion-bilion ringgit.

“Begitu juga loji jana kuasa baharu perlu dibina dan ini membabitkan banyak sumber kewangan untuk 20 tahun akan datang, terutama semakin banyak loji jana kuasa ditamatkan operasi akibat tamat tempoh,” katanya.

Ahmad Fauzi berkata demikian kepada pemberita pada

‘Sesi Penerangan Penetapan Tarif Elektrik Di Semenanjung Malaysia’ yang disertai lebih 40 wakil daripada Persatuan Industri dan Pengguna, semalam.

Beliau berkata TNB membelanjakan RM6 bilion hingga RM7 bilion setiap tahun sebagai modal dan penyenggaraan infrastruktur, berbanding keuntungan direkodkan tahun ini, iaitu RM4.6 bilion.

Menurut Ahmad Fauzi,

sebagai agensi kawal selia, Suruhanjaya Tenaga akan memantau kecekapan operasi dan setiap perbelanjaan TNB mulai tahun hadapan.

“Setiap bulan, TNB perlu melaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung prestasi kualiti perkhidmatan, kos-kos yang terbabit. Tahun depan pula, Suruhanjaya Tenaga akan lebih rapi memantau kos-kos yang dibiayai oleh TNB untuk membekalkan elektrik.

“Kita akan pastikan kos-

kos yang efisien atau cekap sahaja yang boleh dimasukkan ke dalam tarif,” katanya.

Berkuat kuasa 1 Januari depan, purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia akan naik 4.99 sen/kwj kepada 38.53 sen/kwj daripada 33.54 sen/kwj sekarang.

Sebelum ini Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Azman Mohd berkata, tarif elektrik baharu itu merupakan sebahagian daripada program rasionalisasi subsidi kerajaan untuk me-



AHMAD FAUZI

ngukuhkan fiskal dan ia perlu untuk kebaikan jangka panjang ekonomi negara. - Bernama